

TARIKH: 18/7/23
SURAT KHABAR: Sinew Harian
MUKA SURAT: 3

600,000 penggiat gig, 230,000 sahaja mencarum

KUALA LUMPUR - Sikap pe-ngendali ekonomi gig seperti pe-nyedia platform e-hailing dan p-hailing yang enggan bekerja-sama, menyukarkan usaha ke-rajaan menambah baik sistem perlindungan keselamatan sosial penggiat industri itu.

Ketua Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, beliau sendiri telah beberapa kali cuba mengatur pertemuan bersama pihak pengurusan syarikat pe-nyedia perkhidmatan bagi mem-bincangkan isu berkenaan, na-mun tidak berhasil.

"Kerjasama tersebut dipertu-kan untuk Perkeso mewujudkan satu sistem penolakan caruman bagi Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SPS) ber-dasarkan jumlah jam bekerja, bukannya secara lump sum (se-



Kajian mendapati 60 peratus daripada penggiat ekonomi gig mempunyai tahap daya tahan kewangan yang rendah.

kali gus).

"Kalau dilihat dari segi pe-laksanaan caruman, saya rasa ia dapat dilaksanakan dengan lebih efisien berdasarkan sumbangan jam pekerjaan, dari situ baru kita dapat lihat jumlah caruman yang sepatutnya dibayar.

"Sekarang ini kita terpaksa kategorikan penggiat ekonomi gig di bawah kategori 1, 2 dan 3 (SPS) kerana tidak mendapat kerjasama pemilik platform... Realitinya, sama ada ada kebijakan penggiat gig ini dijaga atau tidak ia bukan urusan mereka (pe-

ngendali)", katanya pada Forum Nasional: Kerangka Kerjaya Industri Gig, di sini pada Isnin.

Katanya ketika ini berdasarkan statistik, dianggarkan terdapat se-ramai 600,000 penggiat e-hailing dan p-hailing di seluruh negara, namun hanya kira-kira 230,000 orang yang telah mencarum.

Sementara itu, Felo Penyelidik Institut Kewangan Ekonomi dan Kewangan Universiti Utara Malaysia, Prof Madya Dr Shamzaeffa Samsudin berkata kajian mendapati 60 pe-ratus daripada penggiat ekono-mi gig mempunyai tahap daya tahan kewangan yang rendah. Beliau berkata situasi itu di-sebabkan masih ramai yang ti-dak mencarum dalam apa-apa skim keselamatan sosial dan keadaan itu mendedahkan me-reka kepada risiko masalah ke-wangan. - Bernama

8inew Harian
18/7/23 ms3